
SIARAN BERITA

MAKLUM BALAS PIHAK BERKEPENTINGAN BAGI GARIS PANDUAN REGIM KELONGGARAN DAN PENALTI KEWANGAN

KUALA LUMPUR, 15 Januari 2014 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) menyeru orang awam untuk mengambil bahagian pada Konsultasi Awam bagi draf Garis Panduan Rejim Kelonggaran dan Penalti Kewangan.

Dokumen konsultasi tersebut boleh didapati serta dimuat turun dari laman sesawang MyCC, www.mycc.gov.my bermula hari ini. Pihak MyCC menjemput pihak berkepentingan khususnya dari persatuan perdagangan, dewan perniagaan, kumpulan pengguna dan pihak berkepentingan yang lain untuk menyertai proses konsultasi ini dan mengemukakan maklum balas atau komen-komen mereka kepada MyCC melalui emel di consultation@mycc.gov.my atau pos, pada atau sebelum 28 Februari 2014.

Kedua-dua garis panduan tersebut adalah berdasarkan peruntukan yang terkandung dibawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (“Akta”). Garis Panduan Rejim Kelonggaran adalah berdasarkan Seksyen 41, yang mana membenarkan MyCC memberi suatu penurunan sehingga seratus peratus bagi apa-apa penalti boleh dikenakan kepada perusahaan yang melanggar Akta ini. Regim kelonggaran boleh digunakan bagi mana-mana perusahaan yang mengakui penglibatannya dalam pelanggaran larangan yang telah ditetapkan di bawah subseksyen 4(2) Akta ini.

Garis panduan bagi Penalti Kewangan ialah berdasarkan Seksyen 17 Akta Suruhanjaya

Persaingan 2010 dan seksyen 40(1) Akta Persaingan 2010, memberikan kuasa kepada MyCC untuk menjalankan pelaksanaan fungsinya di bawah Akta itu dan kuasa tertentu bagi mengenakan penalti kewangan untuk apa-apa pelanggaran dibawah Akta ini. Seksyen 17(2)(b) Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 memberikan kuasa kepada MyCC untuk mengenakan apa-apa remedi termasuk penalti kewangan jika terdapat sebarang pelanggaran Bahagian II Akta ini.

Cadangan bagi Perundingan Awam ini boleh dihantar melalui cara-cara yang berikut:

Emel : consultation@mycc.gov.my

Pos : Malaysia Competition Commission

Level 15, Menara SSM@Sentral,

No.7, Jalan Stesen Sentral 5,

Kuala Lumpur Sentral

50623 Kuala Lumpur

Faks : +603 2272 1692

Semua cadangan perlu dihantar pada atau sebelum 28 Februari 201.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Unit Perundangan di: Tel: +603 2273 2277,

Faks: +603 2272 1692, atau emel: consultation@mycc.gov.my.

Untuk maklumat lanjut bagi Garis Panduan Rejim Kelonggaran dan Penalti Kewangan, serta Akta Persaingan 2010, sila layari www.mycc.gov.my.

---Tamat---

NOTA PENGARANG:

Sila rujuk kepada Garis Panduan Rejim Kelonggaran dan Penalti Kewangan yang disertakan bersama dokumen ini.

---Tamat---

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Rowena Wong, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: rowena@mycc.gov.my

Anis Syafiq, Tel +603 2273 2277 (ext 217), Email: anis@mycc.gov.my

Unit Komunikasi Korporat

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web

www.mycc.gov.my.